

MEMBINA KETERANGAN: PEMERIKSAAN UTAMA SEBAGAI TITIK PERMULAAN *

NORAINI IBRAHIM

ABSTRAK

Ciri utama sistem adversari yang diamalkan di mahkamah di Malaysia ialah pemerolehan keterangan melalui satu wacana proses pemeriksaan lisan. Proses ini melibatkan tiga jenis pemeriksaan. Pemeriksaan utama dikendalikan oleh pihak pemanggil, manakala pemeriksaan balas dilakukan oleh pihak lawan. Jika perlu, pemeriksaan semula diadakan oleh pihak pemanggil untuk 'membetulkan' keterangan yang rapuh hasil dari pemeriksaan balas pihak lawan. Pemeriksaan para saksi yang dipanggil ke mahkamah dijalankan dalam bentuk soal-jawab sesuai dengan prosedur undang-undang. Soalan diberikan oleh peguam dan jawapan disempurnakan oleh saksi. Justeru itu saksi terpilih yang dipanggil akan membantu membina dan seterusnya mengukuhkan versi pihak pemanggil melalui beberapa strategi. Makalah ini yang berteraskan satu kajian kes jenayah di Mahkamah Tinggi Jenayah 1 Kuala Lumpur, akan menggaris dan membincang beberapa strategi yang digunakan oleh peguam dalam pemeriksaan utama saksi pakar dalam usaha membina satu versi naratif yang boleh dipercayai.

Kata kunci: keterangan, pemeriksaan utama, pemeriksaan balas, saksi, sistem adversari

THE ROLE OF DIRECT EXAMINATION TOWARDS THE CONSTRUCTION OF EVIDENCE *

ABSTRACT

The crux of an adversarial system as practiced in Malaysian courts is the adducing of evidence through the oral tradition. This usually involves examinations in three stages. A direct examination is conducted by the party that initiates the action, while a cross examination is carried out by the opposing side. In the event where a re-examination is necessary, the initiating party can re-examine his witness to 'repair' the damage done during the cross-examination. Institutionalized courtroom questioning involves questions posed by the lawyers with the answers to be provided for by the witnesses. Through strategic questioning therefore, a witness summoned to court by a litigating party will establish and then strengthen the version of the party that summon him. This paper is based on a case study of a criminal case observed at the Kuala Lumpur Criminal High Court 1, will delineate and then discuss several strategies employed by a counsel during the direct examination of an expert witness, in his effort to build a narrative that is both credible and believable.

Keywords: adversarial system, courtroom questioning, direct examination, oral tradition, evidence

PENGENALAN

Perbicaraan ialah satu aktiviti berisiko tinggi yang lazimnya dirancang dengan begitu teliti oleh peserta-peserta utama (umumnya peguam) untuk mencapai matlamat yang diinginkan, iaitu kemenangan kes. Kejayaan satu-satu kes itu pula bergantung kepada bahan bukti dan keterangan yang dikemukakan yang dapat menyokong pendirian satu-satu pihak. Dalam hal ini, sistem perundangan Malaysia menetapkan bahawa keterangan hanya boleh dikutip melalui satu proses soal-jawab di mahkamah yang juga dikenali sebagai tradisi lisan atau *oral tradition* yang diwarisi daripada sistem *common law* England yang digunapakai di Malaysia. Warisan ini juga tertakluk kepada beberapa perubahan dan penyesuaian yang menyebabkan perbezaan antara sistem *common law* dan sistem perundangan Malaysia. Secara ringkas, *common law* berteraskan prinsip duluan mahkamah dan doktrin *stare decisis* yang merujuk kepada prinsip perundangan kes.

Di mahkamah Malaysia, proses soal-jawab tertakluk di bawah *Rules of the High Court 1980* dan Akta Keterangan 1950. Prosedur dan Akta menetapkan supaya keterangan dapat dibina daripada pemeriksaan saksi. Saksi-saksi yang dipanggil akan melalui soal-jawab yang bermula daripada pemeriksaan utama oleh peguam pemanggil. Jikalau didapati bahawa keterangan harus diperiksa semula, peguam lawan akan menjalankan pemeriksaan balas yang bertujuan untuk merapuhkan keterangan. Apabila ini terjadi, peguam pemanggil akan menjalankan pemeriksaan semula.

Pemeriksaan utama yang menjadi fokus makalah ini, dikendalikan oleh peguam pemanggil dan lazimnya ini merupakan satu sesi yang membentuk pendirian melalui satu naratif. Kajian-kajian yang dilakukan oleh Atkinson and Drew (1979), Drew (1992) dan Tiersma (1999) melaporkan bahawa peguam akan memberikan soalan-soalan di mana beliau (peguam) sendiri telah maklum jawapannya. Peguam juga dilihat seperti bekerjasama dengan saksi dalam membina proses pembuktian. Justeru, suasana mahkamah tidak tegang dan peguam lazimnya bersikap mesra atau seperti rakan (*friendly*) terhadap saksinya. Keadaan ini sangat berbeza daripada pemeriksaan balas di mana peguam daripada pihak lawan atau *adversary* biasanya bersifat permusuhan (Atkinson and Drew 1979; Stygall 1994; Metzger and Beach, 1996; dan Noraini Ibrahim 2003).

KOSA ILMU

Kosa ilmu berikut akan membincang beberapa isu penting yang mencorak makalah ini. Berikut adalah antara isu-isu tersebut:

i. Proses soal-jawab di mahkamah

Proses pemerolehan keterangan di mahkamah terhasil daripada satu jenis wacana institusi yang tersendiri. Secara amnya, wacana yang terhasil daripada proses soal-jawab mungkin menyerupai satu perbualan biasa (Atkinson and Drew 1979) dan bercirikan *adjacency pairs* atau pasangan lazim. Namun begitu, kajian telah membuktikan bahawa 'soalan-soalan' yang diajukan mempunyai fungsi-fungsi dan matlamat yang tersendiri.

ii. Pemeriksaan utama

Berbanding pemeriksaan balas, kosa ilmu pemeriksaan utama didapati kurang mendapat sambutan daripada pakar bahasa dan pengamal undang-undang. Hal ini mungkin kerana pada amnya pemeriksaan utama dilihat seperti jelas dan tidak bermasalah. Namun begitu, Aust (2000) mendapati bahawa walaupun kelihatan jelas dan mudah, terdapat ciri-ciri penting dalam pemeriksaan utama yang menjadi sandaran kepada pembinaan kerangka naratif keterangan yang mantap. Ciri-ciri tersebut merangkumi interaksi berunsur soal-jawab yang terhasil daripada kolaborasi peguam dan saksi untuk membina satu naratif yang bertema, perincian cerita (*story detailing*) yang membolehkan penonton (peserta dan bukan peserta) mengikuti perkembangan perbicaraan dan pembinaan naratif yang baik dan kebal (*inoculated*) supaya dapat dipertahankan semasa sesi pemeriksaan balas.

Justeru, pemeriksaan utama lazimnya memfokus kepada elemen-elemen atau fakta-fakta terpenting sahaja (*material facts*). Keadaan ini bermakna proses soal-jawab mungkin akan memecahkan turutan peristiwa kerana berkemungkinan peristiwa yang penting terjadi kemudian tetapi harus dikehadapankan (*foregrounded*). Sebagai contoh, dalam kes jenayah, kejadian jenayah itu dipersembahkan dahulu sebelum pembinaan motif dan rentetan peristiwa yang lain.

iii. Strategi-strategi peguam

Kajian-kajian yang dilakukan di negara-negara barat telah menunjukkan bahawa proses pra-perbicaraan adalah satu proses yang rumit. Peguam-peguam akan mengatur strategi

dalam penyediaan dan penyajian dokumen-dokumen, bahan-bahan bukti dan yang paling penting, retorik perbahasan di mahkamah. O'Barr (1982), Levi and Walker (1990), Conley and O'Barr (1990), Tiersma (1999), Cotterill (2003) dan Gibbons (2003) adalah antara pengkaji yang melaporkan bahawa peguam-peguam menggunakan pelbagai strategi untuk membina dan mempertahankan keterangan dan naratif yang dibina.

iv. Saksi pakar

Jikalau saksi biasa merupakan mereka yang terlibat secara langsung dalam kes atau individu-individu yang dapat menyajikan fakta kepada kes itu - '*witnesses of fact*', saksi pakar pula adalah pakar-pakar yang diundang ke mahkamah untuk memberi 'pendapat' mereka. Seksyen 45 Akta Keterangan Malaysia 1950 memperincikan siapa yang boleh diterima sebagai 'saksi pakar' dalam sistem perundangan Malaysia. Paul (2000) juga menyenaraikan kes-kes yang berkaitan tetapi secara ringkas, seorang dianggap pakar jikalau beliau mempunyai kemahiran atau kepakaran yang 'istimewa' yang dapat membantu mahkamah untuk menyelesaikan kes dengan adil berteraskan undang-undang.

Fenomena perkembangan penggunaan dan kerelevanan saksi pakar kebelakangan ini dapat dilihat dari segi kemunculan jenis-jenis jenayah dan bidang-bidang perundangan yang baru, dan diikuti pula dengan kemunculan cara dan tahap pendekatan pembuktian yang canggih (Stygall 1994). Fenomena ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah juga di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Tambahan pula, nilai keterangan pakar dianggap tinggi oleh mahkamah tetapi ini tidak bermakna bahawa keterangan saksi pakar itu diterima bulat-bulat oleh mahkamah kerana jikalau timbul kesangsian, mahkamah atau pihak lawan boleh memanggil pakar lain sebagai saksi *rebuttal* untuk menyangkal keterangan (Stygall 2001). Justeru, nilai keterangan saksi pakar adalah tinggi dan meyakinkan (*persuasive*).

METODOLOGI

Makalah ini berdasarkan kajian kualitatif dan etnografi yang merujuk kepada kaedah 'bertanya, memerhati dan mengumpul' (Saville-Troike 1982) di Mahkamah Tinggi Jenayah Kuala Lumpur. Untuk mendapatkan data yang berunsur '*thick description*', satu

kajian kes telah dijalankan ke atas satu kes jenayah. Pemerhatian *in-situ* perbicaraan kes ini berjalan selama dua tahun tiga bulan.

Data ujaran-ujaran dan nota etnografi yang dikutip daripada pemerhatian intensif ini telah ditriangulasikan dengan data daripada temuduga bersama peguam dalam kes ini, pengamal undang-undang yang lain seperti penterjemah mahkamah, Penolong Pendaftar mahkamah dan ahli keluarga. Pengumpulan dokumen-dokumen seperti nota-nota prosiding, nota-nota lapangan, kes-kes perundangan dan statut juga dilakukan. Selepas data ini ditriangulasikan, tema-tema yang wujud telah dikenal pasti. Harus dinyatakan juga bahawa data yang dikumpul daripada pemeriksaan saksi pakar adalah dalam bahasa Inggeris.

Sistem mahkamah Malaysia melarang apa jua bentuk rakaman dilakukan di dalam mahkamah. Justeru, penyelidik terpaksa mencatat semua interaksi (ujaran-ujaran) dengan menggunakan kaedah trengkas dan telah mentranskripsikan data itu dengan merujuk kepada pendekatan *conversation analysis* dan Amalan Transkripsi Jefferson (1989) yang diadaptasikan untuk keperluan penyelidik.

Proses mentriangulasi data telah dijalankan selari dengan proses melengkapkan data, satu ciri kajian kualitatif. Pada tahap ini juga, penyelidik mula mengenalpasti dan mengklasifikasikan tema-tema yang muncul (*emergent themes*) berdasarkan kepada yang kerap dan lewah untuk mewujudkan *grounded theory*. Lampiran 1 adalah contoh hasil daripada kutipan data. Sampel ini menunjukkan pemeriksaan utama saksi pakar pembela ke 3, DW3. Kolum-kolum menunjukkan peserta-peserta yang terlibat iaitu DW3 (saksi), hakim, peguam pembela, dan penterjemah (interpreter), ujaran-ujaran yang terhasil, nombor barisan dan topik serta isu yang dibangkitkan.

Harus ditekankan di sini bahawa domain mahkamah adalah domain yang sukar untuk dikaji. Selain daripada larangan untuk merakam, kerjasama daripada peguam amat sukar diperolehi terutama sekali peguambela atas beberapa alasan. Pertama, pengamal undang-undang sangat terikat kepada etika perundangan yang membataskan perkara-perkara yang dapat didedahkan mengenai satu-satu kes (*sub judice*). Kedua, mereka juga sukar ditemubual oleh penyelidik kerana mereka tidak dapat melihat 'korelevanan' kajian yang dijalankan. Peguam-peguam juga didapati terlalu sibuk untuk meluangkan masa untuk ditemubual. Faktor seterusnya ialah jadual waktu mahkamah yang 'fleksibel' dan

penanggungan kes yang kerap menyukarkan penyelidik yang lazimnya terikat pada satu jangka masa yang telah ditentukan. Kesimpulan yang pasti di sini adalah masyarakat wacana mahkamah ini sangat sukar 'ditembusi'.

RINGKASAN FAKTA KES

Tertuduh telah didakwa di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana mengakibatkan kematian mangsa dengan niat pada 22.08.2000. Pertuduhan ini telah diubah semasa perbicaraan kepada menyebabkan kematian tanpa niat. Hujah peguambela ialah tertuduh telah mengalami keadaan *hypoglycemia unawareness* dan *automatism* semasa beliau menembak mati mangsa.

Kes pihak pendakwa pula tertumpu kepada alasan yang tertuduh berada dalam keadaan mabuk semasa beliau menembak mati mangsa.

Implikasi daripada pertuduhan ini ialah pihak pembela telah memanggil barisan pakar-pakar perubatan untuk membuktikan bahawa tertuduh telah mengalami keadaan *automatism* berdasarkan satu insiden 10 tahun sebelum pembunuhan ini di mana tertuduh telah didiagnos sebagai mengalami *provisional hypoglycemia*. DW3 adalah saksi pakar perubatan klinikal untuk *hypoglycemia*.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan daripada kajian kes menunjukkan bahawa kedua-dua pihak pendakwa dan pembela mengatur strategi dengan baik dalam memanggil saksi pakar untuk menyokong versi naratif mereka. Namun begitu, penulis mendapati bahawa pihak pembela lebih agresif dengan menggunakan pelbagai strategi untuk mengemukakan dan menggunakan saksi pakar kerana beban yang dipikul mereka, iaitu untuk melepaskan tertuduh daripada dakwaan membunuh, adalah sangat berat. Justeru, untuk tujuan ini, penulis akan merujuk kepada Lampiran 1 atas dua sebab.

Pertama, secara amnya, dapatan daripada kajian keseluruhannya menunjukkan bahawa terdapat tema yang muncul berulang-ulang (*emergent themes*) dalam pemeriksaan utama saksi pakar pembela. Hal ini membuktikan bahawa peguam pembela menggunakan strategi-strategi yang sama untuk hampir kesemua saksi pakar beliau

dalam satu turutan yang teratur. Saksi pakar DW3 telah dipilih kerana secara perbandingan, pemeriksaan utama beliau merangkumi aspek-aspek yang menyeluruh.

Kedua, saksi pakar DW3 ini ialah saksi yang sangat penting dalam senarai saksi pembela kerana beliau merupakan pelopor bidang *neuroglycopenia* iaitu ‘penyakit’ yang dikatakan telah menjadi penyebab kelakuan ‘ganjil’ tertuduh, dan juga pakar dalam beberapa bidang yang berkaitan. Hal ini akan dibincang dalam bahagian berikut. Kita juga akan lihat bagaimana saksi ini kelihatan ‘kebal’ dalam pemeriksaan yang diberikan.

Seperti yang telah dinyatakan di awal makalah ini, sampel data Lampiran 1 daripada saksi–saksi pakar perubatan adalah dalam bahasa Inggeris. Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana semua saksi perubatan baik dari luar negara atau dalam negara, telah memberikan keterangan dalam bahasa Inggeris dan ini termasuk dua saksi perubatan *rebuttal* pendakwa yang berbangsa Melayu.

Kita beralih kepada dapatan kajian.

i. Tahap pertama - mematuhi peraturan mahkamah

Apabila seseorang saksi pakar itu dipanggil dan setelah beliau mengambil tempat, penterjemah mahkamah akan memulakan dengan membimbing saksi itu dalam mengangkat sumpah atau *affirmation*. Satu perkara berkaitan yang menarik ialah penggunaan bahasa untuk prosedur ini

Rumusan daripada pemerhatian di mahkamah menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan untuk mengangkat sumpah mestilah bahasa yang akan digunakan oleh saksi untuk memberi keterangan. Namun begitu, satu perkara yang menarik ialah dinding mahkamah tertera slogan yang berbunyi. “Gunakan Bahasa Malaysia”. Walau bagaimanapun, dalam kajian kes yang dibuat di Mahkamah Tinggi KL1, mahkamah didapati mengambil sifat terbuka dalam hal ini. Keadaan ini terbukti dengan baris 7 Lampiran 1 di mana *affirmation* telah diberikan dalam Bahasa Inggeris dan pemeriksaan juga dijalankan dalam bahasa yang sama.

ii. Tahap-tahap pemeriksaan Saksi

Dalam kes ini proses pemeriksaan utama untuk saksi pendakwa adalah seperti berikut:

Saksi Pendakwa	Utama	Balas	Semula	Balas Semula	Panggil semula	Balas panggil semula
PW13 *	Ya	Ya	Ya			
14	Ya	Ya	Ya	-	-	-
15	Ya	Ya	Ya	-	Ya	Ya
16 *	Ya	-	-	-	-	-
17	Ya	Ya	Ya	-	-	-
18**						
19**						

* Saksi pakar

** Saksi pakar *rebuttal*

Rajah 1 Pemeriksaan Saksi Saksi Pakar Pendakwa (PW)

Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan bahawa semua saksi pakar telah melalui pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula melainkan PW16. PW16 adalah saksi pakar forensik perubatan pihak pendakwa yang bertanggungjawab untuk mengesahkan mayat mangsa, jenis dan tahap kecederaan yang dialami yang membawa maut dan bertanggungjawab menulis laporan perubatan yang berkaitan. Keterangan beliau tidak dipertikaikan oleh pembela.

Saksi-saksi (***) adalah saksi pakar perubatan *rebuttal* pendakwa yang dipanggil selepas semua saksi pembela telah memberi keterangan. Hal ini mengikut prosedur kerana pendakwa pada awalnya tidak mengemukakan keterangan perubatan mengenai *hypoglycemia*. Keterangan pihak ini menjerus kepada kes mabuk sahaja. Walau bagaimanapun, pembelaan tertumpu kepada diagnosis perubatan dan bagaimana '*hypoglycemia unawareness*' telah berlaku dengan tanda-tanda yang mirip kepada kes mabuk. Justeru, pakar perubatan *rebuttal* diperlukan untuk memeriksa keterangan saksi pakar perubatan pembela.

Saksi Pembela	Utama	Balas	Semula	Balas Semula	Panggil semula	Balas Panggil Semula
DW 1(OKT)	Ya	Ya	Ya	-	Ya	Ya
2 *	Ya	Ya	Ya	-	Ya	Ya
3 *	Ya	Ya	Ya	-	-	-
4	Ya	Ya	Ya	-	Ya	Ya
5	Ya	Ya	Ya	-	-	-
6	Ya	Ya	Ya	-	-	-
7 *	Ya	Ya	Ya	-	-	-
8 *	Ya	Ya	Ya	-	-	-
9 *	Ya	Ya	Ya	-	-	-
10	Ya	Ya	Ya	-	-	-

* OKT Orang Kena Tuduh

* Saksi pakar

Rajah 2 Pemeriksaan Saksi-saksi Pakar Pembela

ii. Membina versi yang boleh dipercayai

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak pendakwa dan pembela telah cuba untuk membentuk dan membina asas kebolehpercayaan melalui proses berikut:

a. Strategi prosedur

Apabila saksi pakar dipanggil, rujukan lazimnya dibuat bukan sahaja kepada pendapat atau laporan yang telah disediakan mereke, tetapi juga kepada *learned treatise* yang terdiri daripada buku, artikel dalam jurnal, rajah, laporan, dan kes undang-undang dan sebagainya, yang dirujuk untuk menyokong hujah mereka. Apabila makalah-makalah ini dipersembahkan oleh satu-satu pihak, ia harus dibaca dengan teliti oleh peguam dan saksi pihak lawan untuk memberi pendapat. Justeru, jikalau dokumen itu dikemukakan secara mengejut dan tempoh bacaan adalah terhad, peguam dan saksi lawan akan menghadapi kesukaran untuk menyediakan hujah balas. Strategi ini dipanggil 'strategi serang hendap'. Untuk mengatasi keadaan ini, lazimnya peguam lawan akan meminta supaya perbicaraan ditangguhkan untuk sementara waktu supaya penelitian terhadap dokumen baru itu dapat dijalankan. Strategi ini diwarisi daripada *common law*, tetapi ironisnya, di England ia tidak lagi dipraktikkan.

Satu contoh strategi serang hendap dapat dilihat dalam baris 14 (Lampiran 1) oleh peguambela yang memohon supaya laporan yang disediakan pakar diterima tanpa

tradisi lisan. Laporan ini tidak dikemukakan kepada mahkamah atau pihak pendakwa raya sebelum saksi ini dipanggil. Jikalau hakim meluluskan permohonan ini, pihak pendakwa akan mempunyai kekangan masa dalam menyediakan soalan-soalan balas untuk saksi ini. Namun begitu, hakim telah menolak permohonan ini atas alasan bahawa perbuatan tersebut tidak menepati prosedur mahkamah (baris 21). Satu yang menarik di sini ialah walaupun strategi serang hendap sering dilakukan oleh pihak pembela, namun ia juga digunakan oleh pihak pendakwa seperti yang didakwa peguambela dalam Sampel Data 1 di muka surat berikut:

(Untuk data yang digunakan, *Defence* ialah Peguam pembela; *DPPI* ialah Penolong Pendakwa Raya 1; *Judge* ialah Hakim, _____ nada yang kuat, / /adalah ujaran bertindih)

Sampel Data 1: Pemeriksaan Utama PW18 (Saksi Rebuttal 1) pada 08.07.2002

Defence	:	Yang Arif I was wondering if I could put it to my learned friend if witness is going to rely on any literature, we as lawyers will read it at a crawling pace and hold the court back, I would not like to come to read	1 2 3 4
DPP 1	:	We will look into that my lord only this is what always happen to us my lord	5 6
Judge	:	<u>Yes what he is telling is that don't do what I did</u>	7
Defence	:	Your lordship will know that learned prosecutor asked for half a day, I do not want to repeat that.	8 9
Judge	:	Is it ok Dr? Those publications and their materials to be made available to us?	10 11
PW	:	Yes	12
Judge	:	So that's all, that is all for today.	13

Episod ini berlaku sejeurus sebelum pemeriksaan balas saksi pendakwa ke-18 (PW 18) bermula. Sebelum ini dalam pemeriksaan utama, pihak pendakwa (pemanggil) telah mengemukakan beberapa dokumen, dan di sini, sebelum pemeriksaan balas bermula, pihak pembela (baris 1-4) telah memohon kepada mahkamah supaya memberi ingatan kepada pihak pendakwa supaya menyerahkan dokumen-dokumen kepada mereka sebelum sesi perbicaraan supaya penelitian dapat dilakukan. Dalam baris 5-6, pihak pendakwa membalas dengan nada merungut bahawa perkara ini selalu berlaku ke atas

mereka seperti yang kita maklum dalam perbincangan di atas. Dengan nada yang kuat dan secara lawak dan mungkin sinis juga, hakim membalas dengan mengatakan bahawa pihak pembela tidak suka diperlakukan seperti apa yang mereka selalu lakukan kepada pihak pendakwa diikuti satu ‘nasihat’ kepada saksi untuk mempersembahkan bahan sebelum pemeriksaan.

Lazimnya apabila dokumen penting dikemukakan secara mengejut, perbicaraan harus ditangguhkan untuk memberi pihak lawan masa untuk meneliti dokumen baru itu dan melakukan persiapan untuk membalas hujah. Justeru, strategi serang hendap merupakan satu keadaan yang sukar dan tidak wajar kepada saksi tetapi strategi ini memberi manfaat kepada pihak lawan dan sekaligus menonjolkan kuasa pihak lawan itu. Situasi ini juga sangat merbahaya kerana soalan-soalan yang dapat memerangkap boleh diajukan dengan senang. Justeru, strategi serang hendap dalam perbicaraan ini adalah senjata yang sangat tajam bagi peguam.

Namun begitu, dalam mahkamah ini, hakim yang bersidang merupakan seorang yang sangat berpengalaman dan sepanjang perbicaraan beliau dapat dilihat sebagai sangat berwaspada terhadap strategi-strategi peguam, termasuk strategi serang hendap ini. Beliau juga bijak mengawal keadaan dan dari ujaran–ujaran yang tajam dan kadangkadangkang yang lucu, berjaya meredakan keadaan yang tegang dan kurang selesa seperti di baris 7 di atas.

Strategi linguistik

Kita beralih kepada strategi linguistik yang digunakan oleh peguam. Ada beberapa strategi yang digunakan yang boleh dibahagikan seperti berikut:

- i. strategi am
- ii. strategi untuk saksi pakar

i. Strategi am

Fokus bahagian ini adalah kepada beberapa strategi am dan pertamanya ialah pasangan lazim, iaitu soal-jawab di mana yang menyoal ialah peguam dan hakim, dan yang menjawab ialah saksi. Oeh kerana saksi dipanggil oleh peguam penyoal maka interaksi

yang terhasil dilihat sebagai satu kolaborasi daripada kedua-dua pihak. Soalan-soalan yang diberikan lebih menjurus kepada soalan-soalan jenis ‘Ya atau tidak’ (*Yes/No questions*) dan bukan soalan-soalan yang memberi ruang kepada saksi untuk menjawab panjang lebar, seperti ‘*Wh questions*’. Ini dapat dilihat dari baris 29 (*Can...*), baris 38 (*You are....*), baris 42 (*And are you...*) dan baris 51 (*Can you tell...*). Penulis mendapati bahawa dalam sampel data Lampiran 1 ini, soalan *Wh* telah digunakan sebanyak tiga kali sahaja.

Satu dapatan yang menarik dalam bentuk soalan yang diberikan ialah bagaimana hakim telah membenarkan soalan-soalan ‘*leading questions*’. Soalan jenis ini merupakan soalan Ya/tidak dan dibentuk dengan cara menyelitkan jawapan dalam struktur soalan itu seperti dalam baris 38, “*You are a fellow of the Royal College of Surgeons....?*” dan baris 42, “*And are you a former Vice President...?*” . Lazimnya soalan-soalan seperti ini tidak dibenarkan atas alasan mempengaruhi jawapan saksi tetapi mungkin dalam kes saksi ini, soalan-soalan ini tidak berisiko tinggi maka telah dibenarkan oleh hakim.

Satu strategi yang ketara dalam pemeriksaan utama saksi pakar ialah kawalan topik oleh peguam penyoal. Kesemua topik tahap permulaan ini disediakan dengan teliti untuk meyakinkan mahkamah bahawa saksi ini adalah pakar yang harus diberi peluang untuk mengemukakan pendapat beliau (ini akan dibincang dalam bahagian seterusnya). Namun apa yang penting di sini ialah kesinambungan keterangan melalui penggunaan petanda wacana (*discourse markers*) seperti ‘*Now*’ dan ‘*And*’ yang menghasilkan wacana yang koheren. Walaupun ‘*Now*’ adalah petanda waktu atau ‘*temporal*’, di sini ia digunakan oleh peguam sebagai satu petanda perubahan topik, seperti di baris 51, 78, 91, 95, 124, 188 dan 204. Di baris 51 misalnya, peguam penyoal telah menukar topik daripada keanggotaan *Academy of Experts* kepada pentingnya *Academy* itu dalam memantau tahap profesionalisme pakar-pakar perubatan di mahkamah. Fakta ini mempunyai nilai psikologi yang tinggi terhadap keterangan yang diperolehi daripada saksi.

Penulis juga berpendapat bahawa petanda linguistik seperti ini juga menjadi satu ‘arahan’ tersirat daripada peguam kepada saksi untuk bersiap sedia untuk soalan-soalan seterusnya yang berbeza.

Dalam kes petanda wacana ‘*And*’ pula, soalan-soalan yang bermula dengan ujaran ini lazimnya adalah soalan yang ada kaitan dengan soalan sebelumnya. Hal ini dapat dilihat dari baris 42, 48, 60 85, 210, 212 dan 218. Di baris 42 misalnya, *And* digunakan untuk menambah impak kesinambungan kelayakan pakar ini daripada seorang yang (hanya) menganggotai dua Royal Colleges kepada mantan Naib Presiden *Royal College of Pathologists*, satu kedudukan yang boleh dianggap berprestij. Strategi peguam terarah kepada peningkatan kualiti perincian cerita yang telah disebutkan sebelum ini.

Satu lagi strategi am yang digunakan ialah ulangan dan pembentukan semula ujaran (*reformulation*). Dapatan kajian menunjukkan bahwa ulangan sering digunakan oleh peguambela terutama sekali jikalau keterangan yang diberikan saksi dianggap penting olehnya. Strategi ini dilihat seperti mendorong hakim untuk menulis keterangan itu dalam nota prosiding kehakiman. Hal ini adalah kerana hakim di Malaysia harus menulis sendiri nota prosiding dan kesannya dapat dilihat dalam ulangan seperti di baris 13, di mana hakim cuba mendapatkan ejaan untuk alamat saksi dan baris 33 di mana kelayakan saksi diulang sambil menulis, sebagai contoh. Ulangan oleh peguam dapat dilihat pada baris 67 di mana beliau cuba menonjolkan kepentingan *Royal College of Pathologists* dalam piawaan yang diperlukan. Daripada pemerhatian penyelidik, untuk memastikan hakim mengambil keterangan yang dianggap penting, peguambela akan mengulang keterangan itu, dan seterusnya memandangi ke arah hakim dan akan menunggu sehingga hakim habis menulis sebelum menyambung proses pemeriksaan.

Pembentukan semula atau *reformulations* pula didapati dilakukan untuk membaiki satu ujaran, contohnya dalam membetulkan pilihan leksikal. Sebagai contoh, di baris 164, saksi telah menggunakan terma ‘*fellow workers*’. Pada ujaran seterusnya, peguam mengulang terma itu pada baris 166 dan ini merupakan isyarat kepada saksi pakar ini bahawa perkataan ini kurang sesuai dari segi takrifnya. Ternyata isyarat ini difahami oleh saksi itu yang telah memperbetulkan pilihan leksikal kepada ‘*researchers*’ dan sekaligus menggunakan laras bahasa yang betul untuk membangkitkan kesan semantik yang diperlukan.

ii. Strategi untuk saksi pakar

Kajian atas kes O.J. Simpson oleh Cotterill (2003) menunjukkan bahawa pemeriksaan saksi pakar berbeza daripada saksi biasa kerana ia kurang dicelah, kurang ujaran yang bertindan (*overlapping speech*), kurang soalan yang memerlukan kepastian tetapi mengutamakan soalan yang memerlukan maklumat dan ‘membolehkan’ saksi memberikan tempoh naratif yang lebih panjang.

Namun begitu, dalam kes ini celahan didapati berlaku dengan kerap kerana dua faktor. Faktor pertama didorong oleh sistem pengambilan nota prosiding oleh hakim. Di Malaysia, proses ini dijalankan sendiri oleh hakim secara manual. Justeru, hakim dapat dilihat mengulang kembali keterangan yang diberi oleh saksi seperti di baris 33, 36, 41, 55, 59, dan seterusnya. Kedua, hakim ini juga didapati cenderung mengambil bahagian dalam pemerolehan bukti. Sebagai contoh, hakim menyoal saksi dan peguam di baris 121, 166 dan juga pada baris 146, hakim telah menyarankan supaya buku itu dijadikan bahan bukti dan disalin. Dapat dirumuskan di sini bahawa celahan dalam kes ini berpunca daripada kecenderungan hakim ingin mendapatkan kepastian daripada peguam dan saksi, dan pada waktu yang sama, akibatnya ialah hakim dilihat seperti pihak yang mengawal saksi dan bukan peguam.

Dalam pemeriksaan utama saksi pakar, adalah penting untuk peguam pemanggil memperkenalkan saksi dan meyakinkan mahkamah bahawa saksi tersebut adalah seorang yang mempunyai kepakaran yang ‘khas’ yang perlu untuk membantu mahkamah untuk membuat keputusan yang betul. Ini harus dijalankan pada awal proses pembinaan keterangan. Dalam kes DW3 ini, melalui proses soal jawab dan pemilihan dan peralihan topik yang tersusun, peguambela dalam kes ini telah berjaya menonjolkan bahawa saksi DW3 mempunyai kelayakan-kelayakan khas yang diperlukan. Topik-topik yang telah diketengahkan adalah seperti berikut:

- i. kelayakan asas dan pakar yang panjang lebar (baris 31 -72)
- ii. pengalaman profesional dalam bidang (baris 73-91)
- iii. pengalaman perubatan klinikal dan penyelidikan (baris 92-187)
- iv. pengasas makmal perubatan (188-196)
- v. penyelidik/penulis kertas kerja metabolisme alkohol dan alkoholisme (205-222)
- vi. lantikan sebagai saksi pakar dalam kes ini (223-226)
- vii. rekod sebagai saksi pakar di England (227-234)

Apabila ketujuh-tujuh topik dan keterangan permulaan dalam pemeriksaan utama saksi pakar ini dikaji, saksi pakar ini dapat dilihat sebagai seorang yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang cemerlang dan pasca akademik yang harus disegani. Keterangan ini kelihatan teguh dan sukar untuk diperlekehkan. Kelayakan asas dan kepakaran saksi ini adalah dari institusi terulung di United Kingdom (dan juga di dunia). Pengalaman profesional beliau pula sangat luas dan tahap penyelidikan boleh dikagumi. Beliau juga merupakan pelopor bidang *hypoglycemia*, yang menjadi isu penting dan fakta material kes ini.

Selain daripada penyusunan topik yang sangat baik, peguambela juga telah menggunakan beberapa strategi sampingan seperti *reformulation* dan pilihan leksikal. Dalam baris 26, misalnya, peguam telah meminta kelayakan saksi, (*credentials*), tetapi dalam baris 29 soalan itu telah ditambah iaitu, “*Can you state your credentials, your standard of expert evidence in the court?*”. Ini merupakan soalan yang sangat relevan. Kelayakan pasca-siswazah menyusul dan pada baris 38 kelayakan pakar telah diberi dengan tekanan kepada menjadi ‘*fellow*’ kepada dua *Royal Schools*. Selepas itu tumpuan diberi kepada keahlian beliau dalam *Board of Academy of Experts*, iaitu badan yang bertanggungjawab atas pemantauan keterangan saksi pakar di mahkamah.

Untuk meyakinkan mahkamah bahawa DW3 boleh memberi keterangan yang tepat mengenai kaedah perubatan di makmal, baris 42-46 menunjukkan bahawa DW3 ialah Naib Presiden *Royal College of Pathologists*. Ini disusuli oleh pengalaman beliau melatih ahli patologi di Malaysia (baris 72-78). Beliau juga merupakan mantan dekan Fakulti Perubatan (baris 79-85) dan pakar perunding kepada kerajaan di United Kingdom.

Dalam isu *hypoglycemia*, keterangan diperolehi menunjukkan bahawa beliau telah mempelopori bidang itu dari 1960 dan telah menulis kertas kerja, menerbitkan buku dan menjalankan kajian dengan lebih 200 penyelidik. Juga pada baris 190-194, beliau telah menubuhkan makmal Guilford untuk mengkaji *metabolic disorder hypoglycemia*, penyakit yang dikatakan dihadapi tertuduh, dan pada baris 204-208, beliau telah memberi keterangan mengenai kajian beliau mengenai alkohol. Perincian cerita yang telah dibina secara kerjasama dengan peguambela menunjukkan bahawa DW3 sangat tersohor dalam bidang perubatan, khususnya *hypoglycemia* dan pengambilan alkohol. Justeru, dalam

isu-isu tersebut, mahkamah boleh mendapati bahawa beliau dapat dikategorikan sebagai ‘boleh dipercayai.’

Namun begitu, dalam dunia perundangan dewasa ini, ada segelintir pakar yang boleh diupah untuk memberi keterangan yang menjurus kepada pihak yang membayar atau ‘*hired hands*’. Dari itu, dalam pemeriksaan utama juga, peguam harus membuktikan yang pakar ini bukanlah pakar yang sedemikian. Ini dapat dilihat dalam baris 222 di mana DW3 telah disoal tentang bagaimana beliau telah dihubungi untuk kes ini. Jawapan yang diberi dapat dianggap selamat kerana merujuk kepada ‘*professional networking*’ dan berjaya melenyapkan ‘bias’ yang mungkin wujud jikalau saksi itu adalah kenalan atau saudara kepada tertuduh.

Soal-jawab baris 226-231 telah cuba menonjolkan kebolehpercayaan saksi ini dengan memperkenalkan sejarah kepakaran beliau sebagai saksi pakar yang kerap dipanggil (*on many occasions* baris 227) di mahkamah. Keterangan menunjukkan bahawa beliau dipanggil bukan untuk pihak pembela sahaja tetapi oleh kedua-dua pihak (baris 229) dan kadangkala saksi yang unggul untuk kes-kes *hypoglycemia* dan alkohol. Keadaan ini boleh diinterpretasikan seperti saksi yang boleh dipercayai kerana saksi pakar ini bukan dipanggil oleh satu pihak sahaja tetapi kerana ia merupakan saksi yang unggul. Justeru, beliau bukanlah saksi pakar yang boleh diupah, dan fakta ini mempertingkatkan lagi kredibiliti beliau.

Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa keterangan yang diperolehi daripada DW3 menggambarkan beliau sebagai saksi pakar yang berwibawa dan boleh dipercayai hasil daripada strategi peguam pemanggil yang tersusun rapi dan kemas.

PENUTUP

Makalah ini telah membincang bagaimana pemeriksaan utama saksi pakar yang dikendalikan dengan baik akan menjadi asas yang kritikal dalam kerangka naratif yang ingin dipersembahkan. Melalui topik-topik yang telah ‘dirancang’, keterangan dibina untuk membuktikan kebolehpercayaan saksi pakar itu melalui tahap kelayakan yang tinggi dalam bidang akademik dan professional yang berkaitan, reputasi yang sangat baik dan disegani, serta pengalaman yang lama dalam isu yang berkaitan, tidak *bias* dan khidmat lampau beliau yang pernah menjadi pakar rujuk kepada kerajaan Malaysia.

Kehadiran saksi ini juga dilihat sebagai melakukan khidmat yang bebas daripada dorongan kewangan. Hasilnya, dengan menggunakan strategi-strategi linguistik dan bukan linguistik, peguambela (pemanggil) telah berjaya untuk membina keterangan dan titik permulaan yang mantap.

Rujukan

- Atkinson J.M. & P. Drew. 1979. *Order in court*. Atlantic Highlands, N. J.: Humanities Press.
- Atkinson J.M. & P. Drew (Pnyt.) 1984. *Structures of social action: Studies in conversation analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Aust, P.J. 2000 Attorney/witness stories in the Courtroom: Analyzing the collaborative dialogue of direct examination. *Communication Law Review*. 4. (Atas talian). www.uark.edu/depts/comminfo/CLR/index.html. (22 November 2001).
- Conley, J. M. & W. M. O’Barr. 1990. *Rules versus relationships: The ethnography of legal discourse*. Chicago: University of Chicago Press.
- Cotterill, J. 2003. *Language and power in Court: A Linguistic analysis of the O.J. Simpson trial*. London: Palgrave Macmillan.
- Drew, P. 1992. Contested evidence in courtroom cross-examinations – the case of a trial for rape. Dlm. P. Drew & J. Heritage (Pnyt.). *Talk at Work: Interactions in Institutional settings*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Jefferson, G. 1989. Notes on a possible metric which provides for a “standard maximum silence” of approximately one second in conversation. Dlm. D. Roger & P. Bull (Pnyt.) *Conversation: an Interdisciplinary Perspective*. Clevedon: Multilingual Masters. Hlm. 166-96.
- Gibbons, J. 2003. *Forensic linguistics: An introduction to language in the justice system*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Levi, J.N. & A.G. Walker. 1990. *Language in the judicial process*. New York: Plenum Press.
- Low Hop Bing (Hon. Justice Dato). 2002. The use of National Language (Bahasa Malaysia) in the Courts in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam The International Conference on Language, Linguistics and the Real World, 16-18 Oktober, anjuran Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Maley, T. 2000. The case of the long-nosed Pootoroo: The framing and construction of expert witness testimony. Dlm. Sarangi, S. & M. Coulthard. *Discourse and social life*. Harlow: Pearson Education Ltd.
- Mead, R. 1984. *Courtroom discourse*. Monograph. English Language Research. Birmingham: Birmingham University Press.
- Metzger, T. R. & W.A. Beach. 1996. Preserving alternative versions: Interactional techniques for organizing Courtroom cross-examinations. Dlm. *Communication Research*. 23, Isu 6: 749-766.

- Noraini Ibrahim. 2003. Control and authority in Courtroom cross-examinations in a Criminal High Court in Malaysia. Dlm. Asmah Hj. Omar et al. (Pnyt.). *Language and Empowerment*. Kuala Lumpur: Persatuan Bahasa Moden Malaysia. Hlm. 125-149.
- O'Barr, W.M. 1982. *Linguistic evidence: Language power and strategy in the Courtroom*. London: Academic Press.
- Paul, A. 2000. *Evidence: Practice and procedure*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Saville-troike, M. 1982. *The Ethnography of Communicatron*. Oxford: Blackwell.
- Stygall, G. 1994. *Trial language: Differential discourse processing and discursive formations*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.
- Stygall, G. 2001. A Different Class Of Witnesses: Experts In The Courtroom. Dlm. *Discourse Studies*: 3.1: 327-49.
- Tiersma, P.M. 1999. *Legal language*. London: The University of Chicago Press.

* Makalah ini berasaskan satu kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Persidangan SKALI 07, anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, pada 20-21 Mac 2007.

Lampiran 1

Sampel 2 : Pemeriksaan utama DW3 pada 15.11.01

Peserta	Ujaran	No. Baris	Topik dan isu yang dibangkit	
DPP	: My lord, positions are the same except Dev he is doing a watching brief	1 2	1. Pengenalan affirmation dan latarbelakang saksi	
Judge	: What is he watching? (laughter from the gallery)	3		
Defence	: My lord, we have a new witness to call. May I call Professor Vincent Marks? <i>Datuk boleh tunjuk?</i> (To policeman to direct the Prof).	4 5 6		
DW	: (affirms in English)	7		
Judge	: Vincent Marks?	8		
Defence	: Marks with an 's'	9		
Interpreter	: Please state your age and address?	10		
DW	: 71 years. O-r-i-e-l H-o-u-s-e, D-a-r-b-y R-o-a-d, D-a-r-b-y R-o-a-d, H-a-s-h-m-e-r-e, England	11 12		
Judge	: O?	13		
Defence	: My lord, before I begin questioning the expert, the Professor has prepared a report. I'm going to go through the report, but to facilitate the faster giving of evidence, I'm wondering if I can give to my lordship and learned friend to facilitate, and after /that/	14 15 16 17		2. P'mohonan kemukakan laporan tanpa soal-jawab - ditolak
Judge	: /So/, he will be giving a report? That will not be in accordance	18 19		
Defence	: No my lord, I will be questioning him.	20		
Judge	: Question him, but later refer to the report.	21		
Defence	: But for your lordship to follow the specifics, it will be easier for spelling, etc.	22 23		
Judge	: Yes, that is ok (reads the report). Ya (signal for the defence to proceed)	24 25		
Defence	: My lord, may I? Ya Prof. Marks, can we do the usual namely credentials	26 27	3.Kelayakan asas & pakar	
DW	: Yes	28		
Defence	: Can you state your credentials, your standard of expert evidence in the courts?	29 30	Bentuk semula soalan	
DW	: I am a Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery from the University of Oxford and Doctor of Medicine in the University	31 32		
Judge	: Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery from the University of Oxford	33 34	Kelayakan pakar –	
DW	: and Doctor of Medicine in the University of Oxford	35		
Judge	: I am a Doctor of Medicine in the University of Oxford	36	i. 2 FRCS	
DW	: In the University of Oxford	37		
Defence	: Sorry? The University of Oxford. You are a Fellow of the Royal College of Surgeons of London and Edinburgh?	38 39	Ahli Badan2 Profesional	
DW	: I am a Fellow of two Royal Colleges, yes.	40		
Judge	: Fellow of two Royal Colleges .	41	i. Naib Pres.	
Defence	: And are you a former Vice President of the Royal College of Pathologists?	42 43		
DW	: I am.	44		

Defence	:	that would be in the UK?	45	RC Path.
DW	:	in the UK, ya	46	
Judge	:	Erm	47	
Defence	:	And you are currently a member of the Board of Academy of Experts?	48	
			49	
DW	:	I am	50	
Defence	:	Now that point needs a little highlighting. Can you tell the court the significance of becoming a member?	51	ii. ahli Badan
			52	Akademi
DW	:	The Academy of Experts was set up 12 years ago to encourage a high standard of expert evidence in the courts.	53	Pakar &
			54	relevannya
Judge	:	To encourage?	55	kepada saksi
Defence	:	High standard of expertise in the courts, ok. In the British courts ya?	56	pakar
			57	
DW	:	British courts. And as a code of which you must subscribe	58	
Judge	:	And as a code of ethics, which one must subscribe	59	
Defence	:	And is now available for membership to those who satisfy the highest standard of expertise	60	
			61	
		We need a little more on the Royal College of Pathologists. Can you state briefly what is the Royal College of Pathologists?	62	
			63	
DW	:	sister college of the Royal medical colleges	64	
Judge	:	Royal College of Pathologists is a sister (.) Royal medical colleges	65	
Defence	:	responsible for determining standards required.	66	Bincang
Judge	:	It is responsible	67	semula RCP –
Defence	:	For standards required	68	utk menonjol
DW	:	For standards required for practice in the specialty of the laboratory medicine	69	kepentingan
			70	piawaan
Judge	:	For practice in the (.) required for practice in the?	71	makmal
Defence	:	Laboratory medicine (.) You have ____ to do ____ (.) Just since we are in that subject, you have been in Malaysia sometime ago for some purposes on pathology?	72	perubatan
			73	
			74	4.
DW	:	I was here 11 years ago	75	Pengalaman
Defence	:	What specific purposes?	76	Professional
DW	:	For the evaluation of the training of pathologists in Malaysia.	77	dlm bidang
Defence	:	Evaluation of the training of pathologists in Malaysia. Now Professor, you were formerly a Dean of medicine and currently Professor Emeritus of Clinical Bio-Chemistry at the University of Surrey	78	
			79	1. Pakar
			80	runding utk
Judge	:	A former dean of?	81	k'jaan M'sia
			82	utk melatih
Defence	:	Medicine and current Professor Emeritus of the clinical biochemistry in the University of Surrey my lord, S-u-r-r-e-y. And you were Consultant in Chemical pathologist in the National Health Service	83	ahli patologi
			84	
			85	2. mantan
			86	dekan & Prof.
Judge	:	And Consultant in?	87	Emeritus
Defence	:	Chemical pathologist in National Health Service from '62 until 1995. That is correct?	88	
			89	3. Pakar
DW	:	Yes.	90	runding k'jaan
Defence	:	Now, how much experience would you have on aspects of clinical medicine especially in laboratory experiences?	91	Britain
			92	
DW	:	I have practised medicine since 1955 until I retired from clinical practice in 1985.	93	5.Pengalaman
			94	n perubatan
Defence	:	Now, with respect to carbohydrate metabolism especially	95	klinikal &

	hypoglycaemia can you tell the court your experience and research that you have _____ to do?	96	6.Keupayaan menyelidik :
	With respect	97	
Judge :	With respect to carbohydrates metabolism and hypoglycaemia.	98	
DW :	I published my first paper on a new method of measuring blood sugar	99	
	On a new methodology	100	
Defence :	A new method of measuring blood sugar in 1959. With that	101	
DW :	method I investigated patients with	102	
	with that method	103	
Judge :	I investigate patients	104	
Defence :	Patients with hypoglycaemia	105	
DW :	With?	106	
Judge :	With hypoglycaemia and published my first paper on	107	
DW :	hypoglycaemia in 1960	108	
	1960, six zero.	109	
Defence :	Erm	110	
Judge :	In 1961, I published (.) I published the first paper to use the term	111	
DW :	neurogly	112	
	The first paper in 1961 I published the first paper	113	
Judge :	To use the term neuroglycopenia	114	
DW :	Use the term neuro?	115	
Judge :	Could you spell it?	116	
Defence :	n-e-u-r-o-g-l-y-c-o-p-e-n-i-a	117	
DW :	neuroglycopenic, where is the 'co'? The exhibit did not say so	118	
Judge :	I'm sorry, neuroglycopenic (.) Thank you. We always for	119	
Defence :	spelling mixed them. Now you said the article used the term for	120	
	the first time. Who coined the term?	121	
DW :	<u>I coined the term to distinguish the effect</u>	122	
Judge :	To distinguish	123	
DW :	The effects	124	
Judge :	The effects	125	
DW :	Of a shortage or lack of glucose in the blood and the chemical	126	
	condition of hypoglycaemias.	127	
Judge :	and the chemical condition of hypoglycaemia	128	
DW :	which merely means low blood sugar	129	
Judge :	Hypoglycaemia merely means low blood sugar	130	
Defence :	Low blood sugar. Yes, you wrote a book on hypoglycaemia.	131	
DW :	I wrote the book with a co-author, Dr. Rose on hypoglycaemia.	132	
Judge :	Dr what?	133	
Defence :	Rose, my lord as a _____	134	
DW :	First edition was in 1964, second and latest edition was in 1981.	135	
Defence :	Could you confirm this is the book? Second edition? (.) This is a	136	
	copy of the second edition of hypoglycaemia? (.) Could, could	137	
	this be marked my lord?	138	
Interpreter :	B1	139	
Defence :	My lord, you and I cannot buy a copy of this 'cos it, it out of print.	140	
	Maybe we should photostat and return the book.	141	
Judge :	I want to read the book	142	
Defence :	Could we photostat?	143	
Judge :	Could we keep it? Why don't we keep it?	144	
		145	
		146	
		147	

Defence	:	We will photocopy the whole lot.	148	
Judge	:	I'm interested in reading this book to find out more	149	
Defence	:	Professor, how is this book regarded? I know it is difficult to ask the authority how it is regarded,	150 151	
Judge	:	Shall I write there again to be returned to witness and photocopy to be made	152 153	
Defence	:	How is this book regarded in the field of hypoglycaemias, Professor?	154 155	
DW	:	I believe it is still referred to as the most important as a source of information for hypoglycaemia up until 1981.	156 157	
Judge	:	I believe it is still referred to as the most important book on hypoglycaemia, you said what? Until 1981?	158 159	
DW	:	It still has to be brought up-to-date but contains the truth of hypoglycaemia	160 161	
Defence	:	Yes. In addition to this book Prof. have you followed up with any papers you have published _____	162 163	vi. masih giat menulis -
DW	:	I have published usually in conjunction with fellow workers over	164	2001 dlm
Judge	:	How many in conjunction with others?	165	jurnal b'wasit
Defence	:	Fellow workers?	166	
DW	:	Researchers, over 200.	167	
Defence	:	Sorry for that.	168	
Judge	:	Over 200 papers on?	169	
DW	:	Carbohydrates _____ ment	170	
Defence	:	Which included?	171	
DW	:	Many of them on hypoglycaemia the most recent papers	172	
Judge	:	Hold on, hold on.	173	
DW	:	The most recent	174	
Judge	:	The most recent	175	
DW	:	Published in March 2001 and was called Hypoglycaemia disorders	176	
Judge	:	Called?	177	
DW	:	Hypoglycaemia disorders	178	
Defence	:	Is that a copy now before you of the article that you just referred?	179	
DW	:	Yes that is a copy	180	
Defence	:	Marked 2001. Which publisher is it Professor?	181	
Interpreter	:	Periodic journal	182	
DW	:	Marked as?	183	
Judge	:	82	184	
Defence	:	periodic journal called Challenges in the Laboratory Medicine	185	
Judge	:	Never mind	186	
Defence	:	Yes. _____ Now Dr. yes, could you tell the court where you have had a hand in the setting up of a specialized lab in the study of metabolic disorder hypoglycaemia and so on?	187 188 189	7. Pengasas makmal - utk kaji metabolic disorders dlm hypogly.
DW	:	In 1974, I set up a lab under auspicious to carry out tests on patients, for patients from all over the country (.) In the UK (.) who were suffering or thought to be suffering from illnesses causing hypoglycaemia. That laboratory still functions but I'm no longer its director.	190 191 192 193 194	
Judge	:	No longer the director	195	
DW	:	But I do act as its consultant	196	
Defence	:	As a consultant (.)	197	
DW	:	This is popularly known as Guilford lab	198	

Defence	:	It is known as Guilford S.A.S.	199	
Judge	:	Guilford	200	
DW	:	Guilford	201	
Judge	:	I know Guilford	202	
DW	:	Supra Regional Lab	203	
Defence	:	Now have you also made a specific study of metabolism of alcohol in man?	204	8. P'ngetahuan & pengalaman ttg Alkohol & metabolisme
DW	:	I have	205	
Judge	:	I have also made a specific study	206	
DW	:	Of alcohol in man	207	
Judge	:	Erm	208	
Defence	:	And you have published articles on the subject?	209	
DW	:	I have.	210	
Defence	:	And you are a member of the Editorial Board of Alcohol and Alcoholism the International Journal of Medical Council of Alcoholism	211	
DW	:	I am.	212	
Judge	:	I am a member of the Editorial Board	213	
Defence	:	Of Alcohol and Alcoholism, the International Journal of Medical Clinical of Alcoholism and are you not the senior author on the chapter of Alcohol in the metabolic molecular basis?	214	Sidang
Judge	:	And a senior author	215	Penerbit
Defence	:	On the chapter on alcohol in the metabolic and molecular basis	216	Jurnal Alkohol dan
....		217	Alkoholisme&
Defence	:	Er Professor Marks could you tell, could you tell the court how did you come to this, to this case? Who recommended you?	218	penulis kanan
DW	:	I was appointed by you sir, who I gather was given my name by Prof. Amiel	219	
...		220	
Defence	:	You have acted as expert witness in courts in England?	221	
DW	:	Yes, on many occasions	222	
Defence	:	For both prosecution and defence?	223	9. Lantikan sebgi Pakar dlm kes ini
DW	:	Yes, about equally I should think	224	
Defence	:	Not in the same case?	225	
DW	:	Sometimes as the only witness	226	
Defence	:	I see. In matters relating to hypoglycaemia and alcohol?	227	10. Rekod / Sejarah sebg pakar di mahkamah England – pihak2 pemanggil
DW	:	Matters relating to hypoglycaemia and matters relating to alcohol	228	
			229	
			230	
			231	
			232	
			233	

Noraini Ibrahim
 Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi, Selangor

Emel: nib@ukm.my